



IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan di Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA).

1) (a) Jawatan : Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N1
(2 jawatan)

(b) Kementerian/Jabatan/
Badan Berkanun/Pihak Berkuasa
Tempatan : Lembaga Pembangunan Langkawi

(c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana

(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan

2) Jadual Gaji :

Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum
N1	RM1,500.00	RM4,680.00

3) Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) Warganegara Malaysia;

(b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan pada Gred N1: RM1,500.00); atau

(d) Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan pada Gred N1: RM1,500.00); atau

(e) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred N1: RM1,561.00); atau

- (f) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,622.00).

4) Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang - kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

5) Taraf Jawatan : Lantikan Kontrak (Interim)

6) Panduan/Cara Memohon :

(6.1) Borang permohonan boleh didapati dengan melayari laman web LADA di alamat www.lada.gov.my.

- a) Borang permohonan yang telah siap diisi hendaklah disertakan dengan salinan seperti berikut:
- (i) Kad Pengenalan;
 - (ii) Sijil Kelahiran;
 - (iii) Sijil Berhenti Sekolah;
 - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ Sijil Vokasional Malaysia (SVM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
 - (v) Lain-lain sijil yang berkaitan (kurikulum dan kokurikulum).

(6.2) Setiap permohonan yang dihantar hendaklah ditulis (NAMA JAWATAN YANG DIMOHON) di sebelah kiri sampul. Permohonan yang telah lengkap diisi serta ditandatangani hendaklah dikemukakan ke alamat seperti berikut:

Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Langkawi
Tingkat 3, Kompleks LADA
Jalan Persiaran Putra
07000 Kuah, Langkawi
KEDAH DARUL AMAN
(u.p. Bahagian Sumber Manusia & Khidmat Pengurusan)

7) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

8) Permohonan yang ditolak:

- (8.1) Tidak disertakan gambar terbaru yang berukuran passport seperti ditetapkan;
- (8.2) Tidak disertakan salinan dokumen yang diperlukan (salinan kad pengenalan, sijil lahir dan salinan sijil-sijil berkaitan);
- (8.3) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
- (8.4) Tidak mengisi nama jawatan yang dimohon dalam borang permohonan;
- (8.5) Tidak menandatangani borang permohonan; dan
- (8.6) Mengemukakan maklumat palsu.

9) Tarikh tutup permohonan ialah pada **6 OGOS 2026**. Sebarang pertanyaan lanjut bolehlah menghubungi Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan di talian 04-9600600.

